

Malaysiaku Gemilang

Keluaran Khas Kemerdekaan | Jumaat | 17 Ogos 2007



50 Tahun MERDEKA


Satu Warisan. Satu Matlamat.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEHIMPINAN
PERDANA



TUNKU Abdul Rahman mengisytiharkan kemerdekaan di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957.



TUN ABDUL RAZAK HUSSEIN
Perdana Menteri kedua
(1970-1976)



TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA
Perdana Menteri pertama
(1957-1970)

Lima dasawarsa lima kegemilangan

TEMPOH lima puluh tahun lalu penuh dengan pelbagai peristiwa di Malaysia. Rakyat dan pemimpin yang mencorakkannya dengan warna-warna kegembiraan. Para pemimpin kita terhutang budi dengan sokongan tidak berbelah bahagi rakyat kepada negara sejak dari zaman memperjuangkan kemerdekaan lagi. Rakyat pula tidak dapat melupakan jasa para pemimpin itu yang tidak henti-henti bekerja memastikan Malaysia kekal sebagai sebuah negara yang berdaya saing dan dapat menikmati hasil kemerdekaannya. Kerja keras para pemimpin itu membentuk sebahagian daripada apa yang kita kenal sebagai Malaysia pada hari ini.

Tiang-tiang negara Malaysia seperti demokrasi berparlimen, raja berperlembagaan, hak Persekutuan dan kuasa negeri-negeri merupakan evolusi sistem politik Melayu yang mengalami transformasi yang menonjol selepas Perang Dunia Kedua, terutama ekoran Perjanjian Persekutuan 1948, yang dimantapkan lagi dalam rundingan politik pelbagai kaum menjelang pengisytiharan kemerdekaan daripada British pada 31 Ogos 1957.

Sistem politik negara ini berkembang lancar pada zaman awal kemerdekaan, terima kasih kepada keperibadian Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj. Almarhum Tunku dilahirkan di istana di Alor Star, Kedah dan merupakan anak ketujuh Sultan Abdul Hamid Halim Shah yang memerintah Kedah selama 41 tahun dari 1882 hingga 1943. Ketika berhadapan dengan perdebatan politik pada awal 1960-an mengenai hak-hak orang Melayu dan tradisi politik, Tunku memberitahu Dewan Rakyat ketika itu bahawa nenek moyangnya telah membina kerajaan di Kedah sejak 1,000 tahun lalu.

Kenangan rakyat terhadap Tunku ialah Almarhum seorang yang suka berjenaka, menghargai persahabatan tanpa mengira kaum dan penuh

dengan toleransi. Sifat-sifat itulah yang membolehkan Tunku menyatukan pemimpin-pemimpin Melayu, Cina dan India yang mewakili UMNO, MCA dan MIC dalam pakatan Perikatan untuk merundingkan kemerdekaan daripada pihak British selepas beliau menjadi Presiden UMNO pada 1951 dan kemudian menubuhkan pakatan Perikatan bersama mendiang Tun Tan Cheng Lock dan Tun V.T. Sambathan. Tunku mempelopori satu tradisi politik yang belum dapat dipecahkan iaitu Perdana Menteri Malaysia mestilah Presiden UMNO, parti Melayu yang terbesar di negara ini.

Berkuasa penuh

Sejak 1957, Malaysia telah mempunyai lima orang Perdana Menteri. Tunku menjadi Perdana Menteri selama 13 tahun dari 1957 hingga 1970, tetapi rusuhan kaum 13 Mei 1969 dan ketidakstabilan politik tahun-tahun 1960-an menyebabkan Almarhum terpaksa berundur. Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein yang turut merundingkan kemerdekaan bersama Tunku dalam misi ke London pada Januari 1956 dilantik sebagai Perdana Menteri pada tahun 1970. Beliau sebelum itu merupakan Pengarah Majlis Gerakan Negara (Mageran), iaitu sebuah badan eksekutif yang berkuasa penuh ke atas pentadbiran negara selepas darurat diisytiharkan ekoran tragedi 13 Mei 1969.

Pakatan Perikatan yang menghadapi masalah populariti dalam pilihan raya 1969 kemudian diperluaskan oleh Razak kepada Barisan Nasional (BN) dengan tunjangnya masih lagi UMNO, MCA dan MIC. BN membuka keanggotaan komponen parti politik itu kepada parti-parti pelbagai kaum termasuk Parti Islam Semalaysia (Pas) dan parti-parti dari Sabah dan Sarawak. Idea politik Razak





TUN HUSSEIN ONN
Perdana Menteri ketiga
(1976-1981)



TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD
Perdana Menteri keempat
(1981-2003)

Malaysia memiliki barisan Perdana Menteri yang begitu berjasa, futuristik dari aspek pemikiran, bijaksana, inovatif dan sentiasa mendahului zamannya dari segi strategi untuk meneruskan kegemilangan negara

itu menguatkan kembali semangat Perikatan dan membawa konsep kerjasama kaum dalam politik dan kehidupan bernegara ke satu landasan baru. Di bawah kepimpinan Razak, BN meneruskan dominasi parti-parti tunjang Perikatan dalam politik Malaysia sejak 1957.

Razak ialah seorang Perdana Menteri yang kuat bekerja dan bertungkus-lumus memajukan ekonomi luar bandar melalui pembukaan tanah-tanah rancangan untuk pertanian. Beliau seorang yang radikal memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang kemudian merangsang ekonomi Malaysia pada dekad-dekad seterusnya. PETRONAS, syarikat petroleum nasional, ditubuhkan oleh kerajaan pimpinan Razak pada tahun 1974.

Pentadbiran Allahyarham Razak tidak lama. Beliau diingati sebagai ketua kerajaan yang tidak kenal penat menjelajah negeri-negeri untuk menjayakan program-program DEB, meningkatkan mutu sistem pendidikan, membuka bandar-bandar baru di pedalaman dan pada masa yang sama menyembunyikan penyakit leukemia yang dihidapinya daripada pengetahuan rakyat. Apabila Razak meninggal dunia di London pada 14 Januari 1976, rakyat mengenangnya sebagai anak watan yang amat serius dalam memajukan bangsanya.

Selepas kematian Razak, timbalannya Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri. Perdana Menteri ketiga ini mempunyai pertalian keluarga dengan Razak. Isteri Hussein, Suhaila, ialah adik kepada Rahah, isteri Razak. Kedua-dua wanita itu merupakan anak kepada seorang pegawai tadbir

Melayu yang terkenal dari Johor, Tan Sri Mohd. Noah Omar. Mohd. Noah ialah Yang Dipertua Dewan Rakyat dari 1959 hingga 1964.

Hussein ialah anak kepada Allahyarham Datuk Onn Jaafar, pengasas UMNO. Antara sifat-sifat Hussein sebagai Perdana Menteri ialah beliau amat teliti dalam percakapan, perbuatan dan dasar-dasarnya.

Menggempleng

Atas faktor kesihatan, Hussein mengundurkan diri pada 1981 untuk memberi laluan kepada timbalannya, Dr. Mahathir Mohamad dilantik sebagai Perdana Menteri keempat. Tun Mahathir mewarisi sebuah kerajaan yang stabil daripada Hussein, dan selama 22 tahun berikutnya beliau mentadbir Malaysia dengan stailnya yang tersendiri tanpa mengambil kisah sangat serangan pengkritik-pengkritiknya. Beliau berjaya melayari pelbagai gelombang politik. Apabila Mahathir bersara pada bulan Oktober 2003, impak pentadbirannya amat besar ke atas landskap politik, ekonomi, pembangunan, infrastruktur, dasar luar dan nilai-nilai masyarakat Malaysia.

Empat tahun sebelum bersara, Dr. Mahathir memilih Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO. Peralihan kepimpinan dalam kerajaan dan parti itu berjalan lancar dengan Abdullah sebagai Perdana Menteri kelima menjanjikan pentadbiran yang 'tegas, adil dan saksama'.

Abdullah memulakan kepimpinannya sebagai Perdana Menteri kelima dengan moto Cemerlang, Gemilang dan Terbilang. Komitmen beliau amat

tinggi untuk melahirkan pentadbiran yang jujur, bersih, efisien, Islamik dan peka kepada nasib penduduk luar bandar dan wilayah-wilayah yang tidak begitu mendapat perhatian selama ini. Seorang penganalisis politik tanah air merumuskan kepimpinan Abdullah dengan menulis: "Beliau menangani isu-isu yang besar tetapi tidak melupakan isu-isu kecil yang mengesankan rakyat terbanyak."

Abdullah dianugerahkan kesinambungan perjuangan. Ayahnya, Datuk Ahmad Badawi, iaitu anak ulama terkenal Sheikh Abdullah Fahim, dipilih sebagai Naib Ketua Pemuda UMNO pada tahun 1952, setahun selepas Tunku menjadi Presiden UMNO, ketika perjuangan untuk mendapatkan kemerdekaan sedang membuak-buak. Abdullah berkhidmat sebagai pegawai kerajaan pada zaman Razak, menceburi politik pada tahun 1978 ketika Malaysia ditadbir oleh Hussein sebelum meneruskan perkhidmatannya kepada negara sepanjang era pentadbiran Mahathir.

Dari era Tunku berjuang menuntut kemerdekaan lima dasawarsa lalu sehinggalah kepada Perdana Menteri kelima, Abdullah, sekarang Malaysia memiliki barisan Perdana Menteri yang begitu berjasa, futuristik dari aspek pemikiran, bijaksana, inovatif dan sentiasa mendahului zamannya dari segi strategi untuk meneruskan kegemilangan negara. Dengan cara, gaya dan keprihatinan masing-masing, kesemua mereka telah menunjukkan bahawa dalam menjalankan tanggungjawab sebagai Perdana Menteri, mereka meletakkan kepentingan rakyat, nasib bangsa, keamanan dan kemakmuran negara mengatasi segala-galanya.

DATUK SERI ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri kelima
(2003-hingga sekarang)

LAPORAN disediakan oleh AZMAN IBRAHIM, S. ANAND KUMAR dan CYNTHIA YEOH. Gambar-gambar koleksi Pusat Maklumat Utusan, Jabatan Penerangan dan Arkib Negara.

Satu warisan. Satu matlamat.
One legacy. One destiny.

PETRONAS



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
P.A.Y.A.S.A.N
KEPIMPINAN
PERDANA

TUNKU Abdul Rahman berucap dalam satu kempen pilihan raya.



Tunku Abdul Rahman Bapa Kemerdekaan

Oleh DR. RAMLAH ADAM

TUNKU Abdul Rahman Putra (1903-1990) merupakan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu dan Malaysia yang pertama serta Presiden UMNO yang kedua (1951-1970).

Beliau juga digelar sebagai Bapa Kemerdekaan. Tunku Abdul Rahman lahir pada 8 Februari 1903 di Alor Star, Kedah. Tunku adalah putera ketujuh Sultan Kedah, Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Bondanya bernama Che Manjalara.

Tunku mendapat pendidikan Inggeris dan mengaji al-Quran di Kedah sebelum belajar di Thailand hingga tahun 1915.

Beliau kemudian menyambung pelajarannya di Penang Free School. Tunku melanjutkan pelajaran di St. Catherine's College, Universiti Cambridge dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda.

Pada tahun 1931, beliau kembali ke Kedah dan dilantik sebagai Penolong Pegawai Daerah Kulim. Pada tahun 1938, Tunku belajar undang-undang di Inner Temple, London.

Pada tahun 1939, Tunku berkahwin dengan Sharifah Rodziah Syed Alwi Barakbah. Beliau meneruskan semua perkhidmatannya dalam pentadbiran awam Kedah di beberapa buah jabatan.

Tunku bergiat cergas dalam politik Kedah dengan menjadi pemimpin Sa-

berkas. Beliau mewakili Saberkas menghadiri Kongres Melayu 1946 di Kuala Lumpur pada 31 Mac 1946.

Bapa Kemerdekaan itu mencadangkan agar Malayan Union dan British ditentang dengan kekerasan. Namun Datuk Onn Jaafar dan Za'ba serta Datuk Nik Ahmad Kamil berpendapat sebaliknya.

Dalam masa yang sama, Rees Williams, kenalannya di England, telah meminta Tunku memujuk UMNO supaya menerima Malayan Union.

Onn dan UMNO menolaknya. Tunku kemudian menyambung semula pengajiannya dalam bidang perundangan pada tahun 1946.

Tunku kembali ke tanah air pada tahun 1949 dan dilantik sebagai Pegawai Daerah Langkawi. Pada tahun 1950, British memindahkan beliau ke Pejabat Peguam Negara, Kuala Lumpur dan di sana beliau menjadi pendakwa raya.

Dengan cadangan daripada Tan Sri Bahaman Samsudin, Tunku telah dipilih menjadi Presiden UMNO menggantikan Onn pada 26 Ogos 1951.

Tunku terpaksa menghadapi masalah perpaduan UMNO yang terjejas kerana pemergian Onn.

Beliau dengan tegas telah memisahkan UMNO daripada bayangan Onn. Kepimpinan UMNO pada peringkat Pusat, negeri, bahagian dan cawangan digantikan dengan mereka yang sehaluan dengannya.

Kepimpinan Tunku dalam UMNO telah membawa pendekatan politik yang baharu. Kerjasama kaum dalam

sebuah parti seperti cadangan Onn berjaya digantikan dengan kerjasama parti politik pelbagai kaum dalam sebuah gabungan yang besar.

Tunku telah memulakan konsep Parti Perikatan. Ia menjadi sempurna dengan kemasukan MIC pada tahun 1954.

Parti Perikatan pimpinan Tunku telah mengadakan Laporan Minority bagi menuntut Pilihan Raya Persekutuan 1955. Kerajaan British yang menyediakan laporan itu hanya memperuntukkan 52 kerusi Majlis



GANDINGAN Tunku Abdul Rahman dan Abdul Razak Hussein mewarnai politik Malaysia selama lebih dua dekad sejak perjuangan menuntut kemerdekaan pada tahun-tahun 1950-an.



Malaysiaku Gemilang





TUNKU Abdul Rahman dan rombongan menuntut kemerdekaan Malaya bersama Menteri Kolonial British, Alan Lennox-Boyd semasa Persidangan Perlembagaan di Lancaster House, London pada tahun 1956.

Mesyuarat Perundangan Persekutuan melalui pilihan raya.

UMNO dan Perikatan mendesak diperuntukkan 60 kerusi. Namun Tunku kemudian bersetuju dengan cadangan kerajaan British.

Pilihan Raya Persekutuan 1955 diadakan dengan Parti Perikatan mendapat 51 kerusi daripada 52 yang dipertandingkan. Tunku sebagai pemimpin UMNO dan Perikatan dilantik menjadi Ketua Menteri.

Ancaman Parti Komunis Malaya yang bermula sejak 1946 cuba diatasi oleh kerajaan peralihan ini. Walaupun pada masa itu ancaman ini tidak begitu kuat, tetapi dasar pengampunan kepada anggota komunis tidak berkesan.

Untuk menentukan kestabilan politik negara, rundingan telah diadakan di Baling, Kedah dengan Parti Komunis Malaya yang berpusat di sempadan Tanah Melayu-Thailand. Tunku telah mengetuai rombongan kerajaan peralihan dan Chin Peng, Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya, mewakili partinya.

Rundingan Baling ini gagal kerana Parti Komunis Malaya tidak mahu meletak senjata sebagai syarat pengampunan.

Rombongan

Rundingan untuk menuntut kemerdekaan mula dilakukan selepas kemenangan Pilihan Raya Persekutuan 1955. UMNO, Perikatan, Raja-Raja Melayu dan British bersetuju melantik sebuah suruhanjaya bebas bagi mendraf Perlembagaan merdeka.

Ia dinamai Suruhanjaya Reid yang diketuai oleh seorang hakim British. Ini dipersetujui dalam perundingan pada 18 Januari 1956.

Tunku sebagai Presiden UMNO telah mengetuai rombongan Perikatan ke London. Perundingan itu berakhir pada 8 Februari 1956.

Dalam perarakan di Melaka, Tunku mengumumkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu akan diisytiharkan pada 31 Ogos 1957.

Stadium Merdeka telah dipilih sebagai tempat pengisytiharan kemerdekaan. Pada petang hari tersebut, pengisytiharan kemerdekaan dibuat di Stadium Merdeka dengan disaksikan oleh wakil kerajaan British, Duke of Gloucester, sembilan orang raja negeri Melayu, wakil kerajaan luar negara, dif-dif kehormatan yang lain serta puluhan ribu rakyat Persekutuan.

Tunku sebagai Perdana Menteri telah mengisytiharkan kemerdekaan negara.

Persekutuan Tanah Melayu yang menjadi anggota Komanwel telah menandatangani perjanjian pertahanan dengan Britain pada 17 Oktober 1957. Sebagai negara yang merdeka, pertahanan Tanah Melayu dikawal oleh British kerana ketiadaan angkatan pertahanan tempatan.

Tunku juga menghadiri Persidangan Negara-

Negara Komanwel di London pada tahun 1960. Dari segi hubungan negara luar pula, Tunku mengadakan kerjasama serantau di Asia Tenggara melalui penubuhan ASA (Gabungan Negara-Negara Asia Tenggara) pada 31 Julai 1961.

Tunku telah mencadangkan kerjasama antara kawasan Borneo dengan Persekutuan Tanah Melayu. Cadangan yang dibuatnya pada 27 Mei 1961 ini dianggap sebagai asas kepada pembentukan gagasan Malaysia.

Dari situ bermulalah perundingan antara pemimpin Singapura, Borneo Utara, Sarawak, Brunei dan Persekutuan Tanah Melayu dengan sokongan kerajaan British untuk pembentukan negara Malaysia. Tunku telah menjadi ketua perundingan itu.

Walaupun terdapat tentangan dari dalam dan luar negara, Malaysia telah diisytiharkan pada 16 September 1963. Indonesia telah menjalankan dasar anti-Malaysia secara terbuka. Namun, dengan sokongan pertahanan dari Britain, ia tidak menjejaskan negara baharu itu dan Tunku dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Sebagai pemimpin UMNO dan Perikatan, Tunku Abdul Rahman menghadapi banyak masalah dalam perpaduan negara. UMNO dan Perikatan menerima tentangan hebat daripada parti pembangkang utama seperti Parti Islam Setengah Melayu (Pas), Parti Negara, People's Progressive Party, Labour Party dan Parti Rakyat yang kemudian menjadi Malayan Socialist Front dalam beberapa pilihan raya negara (1959, 1964, 1969).

Soal Bahasa Kebangsaan dan konsep multilingualisme, kedudukan istimewa orang Melayu, kedudukan agama Islam, raja-raja Melayu dan kemiskinan serta kemunduran pendidikan orang Melayu menjadi isu yang sering dibangkitkan.

Rasa tidak puas hati itu tergambar dengan peningkatan kemenangan parti-parti itu dalam pilihan raya tersebut. Kemenangan pembangkang dalam pilihan raya 1969 telah mencetuskan peristiwa berdarah yang paling hitam di Malaysia setelah 12 tahun kemerdekaan dicapai. Kejadian itu ialah peristiwa 13 Mei 1969.

Peristiwa 13 Mei 1969 menyebabkan darurat diisytiharkan. Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) telah ditubuhkan dengan Tun Abdul Razak Hussein, Timbalan Perdana Menteri, menjadi pengerusinya. Badan ini bertugas sebagai pengkaji semula dasar-dasar negara. Tunku Abdul Rahman yang masih tetap Perdana Menteri menjadi Setiausaha Agung Sekretariat Negara-Negara Islam di Jeddah, Arab Saudi.

Pada 22 September 1970, Tunku meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri. Jawatan itu diambil alih oleh Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Razak juga mengambil alih jawatan Presiden UMNO. Selaku Perdana Menteri Malaysia, Razak telah menubuhkan Barisan Nasional yang menggabungkan parti politik dominan di Malaysia

pada tahun 1974. Barisan Nasional telah menggantikan Perikatan sebagai parti gabungan yang lebih besar dan meliputi seluruh Malaysia.

Selepas bersara, Tunku bergerak dalam badan-badan amal pada peringkat antarabangsa. Pada 14 Januari 1980, beliau memberi idea untuk penubuhan Majlis Dakwah Islamiah Rantau Asia Tenggara (RISEPAP). Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) telah ditubuhkan kerana keprihatinannya terhadap perkembangan agama Islam di kalangan orang bukan Islam. Beliau terus bergiat dalam politik tempatan, terutama UMNO. Beliau juga menulis dalam akhbar dan tulisannya kemudian dibukukan

sebagai rujukan mengenai kegiatan politiknya dan politik Malaysia pada zamannya.

Tunku meninggal dunia pada 6 Disember 1990.

■ Datuk Dr. Ramlah Adam ialah pakar sejarah dan penulis buku biografi Tunku Abdul Rahman Putra.



TUNKU Abdul Rahman dan delegasi kemerdekaan Malaya ke London melambaikan tangan kepada orang ramai yang berhimpun di Lapangan Terbang Kuala Lumpur pada 9 Mei 1957. Di belakangnya ialah Abdul Razak Hussein. Anggota lain rombongan itu ialah Menteri Buruh, V.T. Sambathan, Menteri Pengangkutan, Ong Yoke Lin dan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Mustapha Albakri.

Satu warisan. Satu matlamat.
One legacy. One destiny.



KENANGAN MENJELANG MERDEKA

PERJUANGAN Tunku Abdul Rahman Putra mendapatkan kemerdekaan bagi Tanah Melayu bukan semudah yang disangka orang.

Dalam satu wawancara beberapa tahun sebelum beliau mangkat, Tunku menceritakan bagaimana beliau sering berulang-alik antara Alor Star dan Kuala Lumpur pada pertengahan tahun 1950-an untuk mengumpulkan kekuatan UMNO.

Salah seorang yang banyak membantunya ialah Ismail Ali, seorang pegawai ekonomi yang bekerja dengan kerajaan Inggeris di Tanah Melayu ketika itu. Ismail merupakan abang kepada Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, isteri Dr. Mahathir Mohamad.

Ketiga-tiga Ismail, Dr. Siti Hasmah dan Dr. Mahathir beberapa dekad kemudian dianugerahkan gelaran Tun kerana jasa-jasa mereka kepada negara.

"Saya selalu datang ke Kuala Lumpur dan meletakkan kereta saya di rumahnya.

"Saya tidak mempunyai banyak wang untuk tinggal di hotel, jadi saya tinggal dan makan di rumah Ismail.

"Ismail Ali telah banyak membantu kami. Dia sanggup berkata, 'Awak ambil kereta saya, Tunku'.

"Jadi (semasa di Kuala Lumpur) saya pakai keretanya dan dia akan menaiki teksi. Merekalah orang yang setia," cerita Tunku.

Kejayaan cemerlang Perikatan dalam Pilihan Raya Persekutuan pada 1955 menjulang nama Tunku sebagai pemimpin penting Tanah Melayu.

Pada 2 Ogos 1955 beliau mengemukakan nama barisan Kabinetnya yang pertama dengan beliau bertindak sebagai Ketua Menteri, timbalannya Bahaman Samsuddin manakala Menteri Pelajarannya, Datuk Abdul Razak Hussein.

Kabinet itu turut disertai oleh pemimpin-pemimpin MCA dan MIC seperti Ong Yoke Lin, Kolonel H.S. Lee, Leong Yew Koh dan V.T. Sambathan.

Walaupun menjadi anggota Kabinet, Tunku dan rakan-rakannya dalam Perikatan berasa sedih kerana mereka tidak mendapat sebarang peruntukan kediaman dan kereta daripada kerajaan British.

Hanya Tunku yang diberi rumah oleh British. Rumah itu terletak di No. 1, Jalan Hose, Kuala Lumpur.

Rumah tersebut telah uzur. Suatu malam berlaku hujan ribut. Pada pukul 3 pagi, atap rumah itu bocor menyebabkan air mengalir di dalam rumah. Habis basah kuyup Tunku dan isterinya.

Tunku kemudian menulis dalam bukunya, *Looking Back*, mengenai perasaannya.

"Ketika itulah saya membuat keputusan saya tidak akan menunggu selama empat tahun untuk mendapatkan kemerdekaan. Pada waktu itu di rumah malap itu saya menyimpan hasrat untuk mendapatkan kebebasan kita dalam separuh tempoh, dalam dua tahun, bukannya empat tahun."


Apabila Tunku dan rombongan dari Tanah Melayu yang merundingkan kemerdekaan menjejaskan kaki di London, England pada 13 Januari 1956, Tunku berterus-terang mengenai niat beliau dan rakan-rakannya dalam UMNO dan pakatan Perikatan.

Dalam ucapannya pada permulaan rundingan itu yang berlangsung selama tiga minggu dari 18 Januari hingga 8 Februari, Tunku memberitahu Setiausaha Tanah Jajahan, Lennox Boyd:

"Saya harap persidangan ini akan direkodkan dengan huruf-huruf emas bukannya dengan lumpur. Sekarang inilah masanya kerajaan dan rakyat British menunjukkan keikhlasan mereka kepada Malaya dengan mengambilnya sebagai kongsi yang setaraf dalam keluarga Komanwel yang besar itu.

"Rombongan saya sedang berusaha bagi mendapatkan taraf berkerajaan sendiri untuk Persekutuan Tanah Melayu dengan serta-merta dan kemerdekaan penuh pada tahun hadapan."

Pengalaman Tunku di ambang merdeka



TUNKU Abdul Rahman Putra mengetuai perarakan menentang komunis.



DARI kiri, Lee Kuan Yew, Tunku Abdul Rahman Putra, Tan Siew Sin dan Abdul Razak Hussein pulang daripada perbincangan tentang pembentukan Malaysia.



SERI Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyerahkan Surat Pemasyhuran Malaysia kepada Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra di Stadium Merdeka sempena Penubuhan Malaysia pada 16 September 1963.

TUNKU Abdul Rahman Putra berucap di hadapan orang ramai menjelang pilihan raya umum 1959.




MESYUARAT Pertama Menteri Kabinet Malaya di Kuala Lumpur pada 10 September 1957. Duduk kiri ke kanan, Abdul Aziz Ishak (Menteri Pertanian), V. T. Sambathan (Menteri Kesihatan), Abdul Razak Hussein (Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan), Tunku Abdul Rahman Putra (Perdana Menteri dan Menteri Perhubungan Dalam), Kolonel Sir Henry H.S. Lee (Menteri Kewangan), Sulaiman Abdul Rahman (Menteri Dalam dan Kehakiman) dan Sardon Jubir (Menteri Kerja Raya, Pos dan Telekomunikasi).



TUNKU Abdul Rahman Putra mengumumkan tarikh kemerdekaan Tanah Melayu di Melaka.



TUNKU Abdul Rahman Putra melaungkan merdeka diikuti menteri-menteri Kabinetnya.



KABINET Pertama Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Satu warisan. Satu matlamat.
One legacy. One destiny.

PETRONAS

